

**Rosmah Sampai Sumbangan Kepada 21 Rumah Kebajikan, IPTA  
Bernama  
13 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor pada Isnin menyampaikan sumbangan berjumlah RM105,000 kepada 21 rumah kebajikan serta institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sempena sambutan Tahun Baru Cina.

Masing-masing menerima RM5,000 pada jamuan tengah hari anjuran Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) dan YTL Corporation Bhd.

Antara rumah kebajikan dan IPTA terbabit ialah Rumah Charis, Rumah Orang Tua Ampang, Yayasan Bestari, Rumah Cheshire Selangor, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Sains Malaysia.

Rosmah, yang juga Yang Dipertua Bakti, turut meraikan kira-kira 500 anak yatim, warga emas dan orang kurang upaya pelbagai kaum pada majlis yang diadakan di sebuah hotel di sini.

Turut hadir isteri Timbalan Perdana Menteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645325>